

U 8683 AAB
MAHATHIR - KERAJAAN RRR

MUAR, 18 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA ORANG MELAYU HENDAKLAH MENENTUKAN AGAR UMNO TERUS KEKAL DENGAN KEKUATANNYA AGAR IA KEKAL SEBAGAI TULANG BELAKANG DALAM KERAJAAN BARISAN NASIONAL.

BELIAU BERKATA, PERANAN SEBAGAI TULANG BELAKANG AMAT PENTING BAGI UMNO SEBAGAI USAHA BERTERUSAN UNTUK MELINDUNGI KEDUDUKAN ORANG MELAYU DI DALAM ATAU DI LUAR UMNO.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, KEKUATAN DAN KEKUKUHAN ITU PERLU DIPERTAHANKAN KERANA TANPA TULANG BELAKANG SESEBUAH KERAJAAN CAMPURAN TIDAK AKAN BERJAYA.

+GABUNGAN (PARTI-PARTI DALAM KERAJAAN BN) TIDAK AKAN BERJAYA JIKA TIDAK ADA TULANG BELAKANG ATAU TIADA PARTI YANG CUKUP KUAT UNTUK MENDOKONG PIHAK-PIHAK LAIN,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN PAGOH DI SINI.

DI MALAYSIA, KERAJAAN CAMPURAN SEJAK MERDEKA LAGI ADALAH KUKUH KERANA UMNO SEJAK DAHULU MENJADI TULANG BELAKANG KEPADA KERAJAAN, TAMBAH BELIAU. -- LAGI

1629MST 18 08 89

U 8685 AAB
MAHATHIR - KERAJAAN 2 MUAR RRR

BELIAU BERKATA PADA MASA YANG SAMA, UMNO SEBAGAI PERTUBUHAN ORANG MELAYU TIDAK MENGABAIKAN KEPENTINGAN ORANG MELAYU DAN MENAMBAH BAHAWA DI SESETENGAH NEGARA ASING, KERAJAAN CAMPURAN DIBENTUK MENEMUI PERPECAHAN KERANA TIADANYA PARTI YANG BERTINDAK SEBAGAI TULANG BELAKANG KEPADA KERAJAAN.

OLEH KERANA KEPENTINGAN ITULAH, MAKA KESELURUHAN ORANG MELAYU PERLU MERAPATKAN PERPADUAN SESAMA MEREKA DAN TIDAK SEKALI-KALI MENYOKONG USAHA UNTUK MELEMAHKAN KUASA ORANG MELAYU DALAM UMNO.

SEKIRANYA, KUASA MELAYU LEMAH, KERAJAAN AKAN TURUT LEMAH DAN IA AKAN MENDATANGKAN MASALAH BUKAN SAHAJA KEPADA ORANG MELAYU MALAHAN JUGA KEPADA BUKAN MELAYU.

+ORANG MELAYU YANG TIDAK PENTINGKAN KEKUATAN UMNO BERERTILAH MEREKA CUBA MELEMAHKAN ORANG MELAYU SENDIRI,+ KATANYA.

MENYEDARI HAKIKAT ITULAH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, UMNO YANG TELAH PULIH SANGGUP MENERIMA KESEMUA ORANG MELAYU SEBAGAI ANGGOTA DALAM MEMASTIKAN AGAR ORANG MELAYU MENYOKONG PERTUBUHAN POLITIK MELAYU YANG TERBESAR IAITU UMNO, YANG TIDAK BOLEH DIPERTIKAN LAGI KEUPAYAANYA. -- LAGI

1633MST 18 08 89

UB686 A A B
MAHATHIR - KERAJAAN 3 MUAR R R R

ORANG MELAYU HENDAKLAH SEDAR HAKIKAT BAHAWA **DI** SESETENGAH TEMPAT ORANG MELAYU TELAH BERPECAH DUA **IAITU** KEPADA UMNO DAN **PAS**, DAN SEKIRANYA UMNO PULA DIPECAHKAN MAKA PERPADUAN MELAYU TIDAK AKAN **WUJUD** DAN IA AKAN MELEMAHKAN ORANG MELAYU SENDIRI.

PERDANA MENTERI MEMPERSOALKAN USAHA KALANGAN TERTENTU UNTUK MENUBUHKAN **+PARTI CAMPURAN+** YANG LAIN DENGAN ORANG MELAYU MEMAINKAN PERANAN YANG KECIL KERANA YANG **PENTING** SEKARANG IALAH BUKAN MENUBUHKAN KERAJAAN **LAGI** TETAPI MEMASTIKAN KERAJAAN SEKARANG KUAT DAN UMNO MENJADI **TULANG** BELAKANGNYA.

+KITA TIDAK NAFIKAN PARTI SERPIHAN KEPADA UMNO **MUNGKIN** MENDAPAT BEBERAPA KERUSI (**DALAM** PILIHAN **RAYA UMUM** AKAN **DATANG**) DAN MEREKA BERPAKAT DENGAN DAP DAN PAS UNTUK MENDAPATKAN BILANGAN **KERUSI LEBIH** SEPARUH DAN MENDIRIKAN KERAJAAN TETAPI KERAJAAN ITU TIDAK AKAN **DAPAT MELINDUNGI** ORANG **MELAYU**, **+ KATA** BELIAU.

SEMENTARA **ITU** MENTERI **BESAR**, TAN SRI HAJI **MUHYIDDIN** YASSIN YANG **JUGA KETUA** UMNO BAHAGIAN PAGOH BERKATA ANGGOTA **UMNO** HENDAKLAH SENTIASA **INGAT** BAHAWA MEREKA PERLU BERPEGANG TEGUH KEPADA **PRINSIP PARTI** DAN RUKUN BERPARTI **MENURUT** PELEMBAGAAN NEGARA.

BELIAU MENAMBAH KATA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO TIDAK BOLEH MEWUJUDKAN PUAK-PUAK DALAM UMNO **DEMI** MEMASTIKAN KEKUKUHAN DAN PERPADUAN BERTERUSAN DALAM **PARTI**. -- BERNAMA

1636MST 18 08 89

D 2004 2111